

# MAKAN DURIAN



**SERAMAI 300** wakil media dan tetamu diraikan dalam Majlis Ramah Mesra Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Media, 'Jom Makan Durian dan Buah-buahan UPM' di Serdang, semalam.

Majlis berkenaan turut dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),

Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Ir. V. Renuganth.

Sebanyak 400 durian pelbagai jenis antaranya Musang King, D24 dan Udang Merah dihidangkan dalam majlis berkenaan.

■ **V. RENUGANTH** (tiga dari kiri) bersama wakil media dalam Majlis Ramah Mesra UPM bersama Media di Serdang, Selangor, semalam.